



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Tel : 06-233 2261 Faks : 06-233 2277

Email : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI



Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.02/10.12/3/2 (15)

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

1 Februari 2008
23 Muharam 1428

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2008

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Ayer Keroh, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

PENYATA PENDAPATAN 2007 & PENYATA PENDAPATAN BUKAN GAJI 2007

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan, Penyata Pendapatan 2007 dan Penyata Pendapatan Bukan Gaji 2007 telah diedarkan kepada Penolong Pendaftar di setiap Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Penyata pendapatan dan penyata pendapatan bukan gaji ini bertujuan memudahkan staf melaporkan pendapatan yang diterima di UTeM ke Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sehubungan dengan itu, Penyata Pendapatan yang bermasalah hendaklah dihantar semula untuk dibuat pengemaskinian sebelum 15 Februari 2008.

Penyata Pendapatan yang bermasalah hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian:

- 1) Masalah berkaitan data peribadi staf sahaja (contohnya: nama, alamat, bilangan anak, no cukai dan sebagainya) – diserahkan ke Unit Pengurusan Saraan & SMSM, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.
- 2) Masalah berkaitan data gaji staf sahaja (contohnya: gaji asas, elaun, bonus, potongan dan sebagainya) – diserahkan ke Unit Gaji dan Pinjaman, Bahagian Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Pejabat Bendahari.
- 3) Bagi staf yang mempunyai masalah untuk data peribadi staf dan data gaji staf, penyata pendapatan tersebut hendaklah diserahkan terus ke Unit Gaji dan Pinjaman, Bahagian Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Pejabat Bendahari

Bagi penyata pendapatan bukan gaji yang bermasalah hendaklah diserahkan ke Unit Pembayaran, Bahagian Pengurusan Kewangan & Perakaunan, Pejabat Bendahari.

Selain dari itu, beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian:

- 1) Staf yang pernah menerima elaun tambahan (elaun memangku, elaun menanggung, dll), dan elaun tersebut telah ditolak kembali apabila berlaku kenaikan pangkat dan sebagainya, boleh memohon kepada Unit Gaji Dan Pinjaman, Pejabat Bendahari untuk mengesahkan pendapatan bercukai 2007.
- 2) Disenaraikan elaun dan kemudahan yang dikecualikan dari cukai pendapatan:
 - i. Imbuan Tetap Perumahan
 - ii. Imbuan Tetap Perumahan Khas
 - iii. Imbuan Tetap Khidmat Awam
 - iv. Imbuan Tetap Jawatan Utama / Gred Khas
 - v. Elaun Bekalan Elektrik dan Air Percuma
 - vi. Bayaran Insentif Singapura
 - vii. Bayaran Tambahan Insentif Singapura
 - viii. Kemudahan Telefon Bimbit
 - ix. Elaun Khas Mengendalikan Reaktor
 - x. Elaun Bayaran Khas Memandu
 - xi. Elaun Perumahan Wilayah
 - xii. Elaun Keraian
 - xiii. Elaun Bantuan Menyelenggara Rumah
 - xiv. Bantuan Sara Hidup (COLA)

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh di atas.

Sekian, *wassalam*.

'BEKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRUL BIN TAIB)

Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd Diah
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi